



SIARAN MEDIA

YAB PERDANA MENTERI MENYEMPURNAKAN MAJLIS PECAH TANAH PROJEK LEGASI KAMPONG BHARU

Projek Pembangunan Mercu Tanda Baru UDA Yang Unggul di Kawasan Kampong Bharu

KUALA LUMPUR, 18 Oktober – YAB Perdana Menteri hari ini telah menyempurnakan Majlis Pecah Tanah bagi Projek Perumahan Milik UDA Holdings Berhad (UDA) yang dikenali sebagai Legasi Kampong Bharu bertempat di Tapak Projek Legasi, Jalan Raja Muda Musa, Kampong Bharu bersempena Majlis Mesra Rakyat, "Kampong Bharu, Legasi Baharu". Pada masa yang sama juga, YAB Perdana Menteri turut meluangkan masa beramah mesra dengan penduduk Kampong Bharu dan juga menyampaikan sumbangan berupa cek kepada penduduk yang terlibat dengan insiden tanah mendap di Kampong Pindah.

Legasi Kampong Bharu merupakan projek pemangkin bagi Pembangunan Kampong Bharu yang bakal dibina di atas tapak pasar minggu berkeluasan 2.858 ekar daripada keseluruhan kawasan Kampong Bharu iaitu 307.34 ekar. Pembangunan bercampur ini merangkumi 639 unit kediaman 43 tingkat di mana 30 peratus daripadanya adalah kediaman mampu milik yang bakal dimiliki oleh penduduk Kampong Bharu dan kawasan sekitarnya. Meskipun harga hartanah di kawasan segi tiga emas ini adalah tinggi, namun UDA menawarkan harga yang kompetitif dan lebih rendah dari harga yang ditawarkan oleh pemaju yang lain memandangkan hasrat UDA untuk membantu meningkatkan pemilikan hartanah Bumiputera khususnya di kawasan bandar.

Selain itu, UDA juga akan turut menyediakan 48 unit ruang niaga dan satu blok menara 30 tingkat yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti surau, perpustakaan, dewan, taman permainan kanak-kanak, gimnasium, pusat jagaan kanak-kanak serta pelbagai

kemudahan yang lain. Dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) RM500 juta, projek ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2019.

Menurut Datuk Ahmad Abu Bakar, Pengarah Urusan Kumpulan UDA, “UDA bakal merubah landskap dan juga pemandangan tapak pasar minggu Kampong Bharu, Jalan Raja Muda Musa dari pasar biasa kepada pembangunan pesat yang lebih dinamis sejajar dengan hasrat serta iltizam kerajaan dalam memastikan penduduk dan peniaga Kampong Bharu dapat menikmati kualiti hidup yang lebih selesa. UDA dengan sokongan padu pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Perbandaran Kampong Bharu (MPKB), telah mengambil inisiatif untuk membina semula tapak pasar minggu tersebut kepada pembangunan bercampur yang digelar “Legasi Kampong Bharu” selaras dengan konsep “urban renewal” atau pembangunan semula bandar ke arah pertumbuhan ekonomi yang positif dan bermanfaat kepada penduduk Kampong Bharu.”

“UDA sebagai pemaju perintis bagi pembangunan Kampong Bharu begitu optimis dengan adanya pembangunan ini dan akan menjadi pemangkin kepada siri-siri pembangunan seterusnya di kawasan segi tiga emas yang strategik di tengah-tengah bandar ini serta menyumbangkan manfaat yang optimum kepada penduduk asal Kampong Bharu. Semoga dengan adanya pembangunan yang mampan di kawasan Kampong Bharu ini, era baru akan bermula dan bakal merubah Kampong Bharu menjadi bandar yang berdaya saing dan memiliki pembangunan yang seimbang seiring dengan pembangunan pesat kawasan sekitarnya sekali gus dapat memacu pembangunan sosioekonomi penduduk Kampong Bharu”, ujar beliau lagi.

Pembangunan Projek Legasi Kampong Bharu ini bakal menjadi mercu tanda baru UDA yang unggul di kawasan Kampong Bharu dan seterusnya merealisasikan impian penduduk Kampong Bharu dan Bumiputera untuk memiliki rumah khususnya di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur.

Datuk Ahmad turut menzahirkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian YAB Perdana Menteri menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Legasi seterusnya merasmikan Majlis Mesra Rakyat, “Kampong Bharu, Legasi Baharu”.

Majlis ini turut diserikan lagi dengan kehadiran YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor merangkap Menteri Wilayah Persekutuan; YB Datuk Johari Abdul Ghani iaitu Timbalan Menteri Kewangan merangkap Ahli Parlimen Titiwangsa; Ketua Setiausaha Kementerian; Datuk Bandar; Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah EPU, ICU, KWP

dan MPKB serta Pegawai-pegawai Tertinggi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan juga Ketua-ketua Masyarakat Kampong Bharu.

_____Tamat_____

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri pelancongan. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Utuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari www.uda.com.my.

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Puan Radziah Mohamed Fadzil

Corporate Communications
UDA Holdings Berhad
Tower Block, Pertama Complex
Jln Tuanku Abdul Rahman
55100 Kuala Lumpur
Tel : 03- 2730 8595
Fax : 03- 2731 2855
Email : radziah@udanet.com
H/P : 017337 7630

Puan Norazuana Abdullah

Corporate Communications
UDA Holdings Berhad
Tower Block, Pertama Complex
Jln Tuanku Abdul Rahman
55100 Kuala Lumpur
Tel : 03- 2730 8500 ext 2817
Fax : 03- 2731 2855
Email : norazuana@udanet.com
H/P : 0192239153